

06/05/2000

Sehala tak setujuan

Chong Fah Hing

MAY YING serba salah. Bukanlah niatnya mahu menyakit dan menyinggung perasaan Ramli. Sekuman pun tidak. Tapi, entah kenapa kata-kata itu terlanjur tanpa disedari. Kini dia malah menyesal. May Ying memahami perasaan Ramli. Apa tidaknya? Sudah belajar sekelas dua belas tahun berturut-turut sejak di bangku sekolah rendah lagi. Sewaktu di bangku sekolah rendah dulu, May Ying kesian melihatnya kerap kali kesendirian. Dia memberanikan diri mendekatinya, memberi dorongan dan tunjuk ajar. Terasa tempoh 12 tahun berlalu dalam sekelip mata saja. Kini baru May Ying sedari ada semacam perasaan yang aneh mengunyah sanubarinya. Sedikit demi sedikit. Lemas.

Saja May Ying tidak mahu akur pada hakikat. Apakah si dia itu juga mempunyai perasaan yang sama? Cinta monyet barangkali? Ah, menagih malu saja memikirkan perkara yang bukan-bukan.

Bahang angin terus-terusan menampar mukanya. Kepanasannya tidak bisa tertahan oleh seorang dara belasan tahun seperti May Ying. Cuaca semakin memijar kebelakangan ini. Belum lagi berakhir kejadian jerebu, dihambat pula masalah air. Angkara apa ini? Arus di kali mengalir lesu, pili di kediaman kehausan. Mega berarak longlai, tunas di maya pinta diairkan. Mata May Ying mengimbau kaki langit nan jauh, jerebu belaka. Segalagalanya kabur tanpa sebab yang munasabah.

Seolah-olah jerebu membungkusnya. Dia kehilangan pedoman. Teringat kembali ramai teman mengerumuninya, mengucapkan tahniah. Sesekali wajah ibu dan guru mengimbas dan lenyap. Silih berganti. Sudah lupa apa yang diucapkan oleh kalian. Ombak manusia berduyun-duyun. Terasa dilambung-lambung oleh lidah gelombang. Khayal berbaur debar.

Sepuluh Al!

Dia tidak menduga kemampuan diri sebegitu baik. Tetapi hakikat menunjukkan ia bukan sebuah mimpi.

"Kau bisa mendapat apa yang dihajati," kini dia benar-benar akur dengan kata-kata Ramli, sekalipun termakan sindiran halusnyanya.

Baru dia teringatkan Ramli. Matanya lantas menyelongkar di antara alunan ombak manusia. Begitu tajam dan tangkas matanya menangkap. Di bawah pohon cemara berhampiran jalan menghala ke pintu keluar berdiri seorang lelaki berkulit sawo matang. Hati kecilnya lantas berputik segar. Tatkala dia memberitahu keputusannya itu kepada Ramli dan meluahkan segala riang riannya, Ramli cuma menjawab dengan nada dingin. Tapi dia tidak perasan kelainan pada Ramli. Dia bagai rerama batik, menari riang di taman budiman.

"Bagaimana pertimbangan seterusnya? Suara yang tetap dingin, sedingin malam tak berbulan.

May Ying menjadi riang tatkala Ramli mula memecahkan tembok kesepian diri. Dia mula bercerita tentang nasihat dan dorongan semua guru supaya memohon biasiswa Asean untuk melanjutkan pelajaran di Singapura. Dia turut menceritakan kebanyakan guru yang pernah mengajarnya memang mengandainya akan berlepas ke pulau berkenaan tatkala penggal persekolahan bermula nanti. Dia asyik bercerita seolah-olah sedang mengisahkan sebuah cerita lucu seorang teman.

"Jadi May nak pergi juga?" Ramli memintas. Nadanya sedikit keras. Dia tersentak. Tunak tajam matanya memandang ke dalam mata hitam Ramli, meminta kepastian.

Terik mentari masih mencengkam. Angin tidak berpuput. Pohon-pohon hijau

dan segala bunga-bunga turut tunduk terkulai, kecuali pohon cemara tadi, masih terpacak segak dan gagah, memayungi Ramli yang kelihatan tak bermaya. Matanya menancap tepat pada wajah May Ying, sejurus menekur melihat hujung jari kaki kanan yang asyik menguis-nguis tanah.

Mata May Ying tetap pada Ramli. Tersinggung rasanya. Masing-masing membungkam. Angin mula berhembus. Dedaun mengacah dan mengejek sesama sendiri.

"Apa Lee tak percaya pada May?"

"Bukan soal percaya atau tidak. Soal realistik." Ramli memanggug melihat rona May Ying yang dirasainya semakin kabur. Dengan nada yang agak menggigil, dia meneruskan.

"Demi masa depanmu, nasib bangsamu, May tidak harus persiakan peluang itu, bukan? Rata-rata masyarakat kau pesimis dengan keadaan di sini. Mereka sudah fed up dengan macam-macam kerenah politik di sini. Mereka berusaha mencari jalan keluar. May tak terkecuali, bukan?"

May Ying merenung Ramli, seolah-olah mahu membaca manusia di depan mata yang kelihatan semakin janggal dan ghalib baginya.

"Tentang soal pemilihan, itu hak May. May tahu pertimbangan yang sebaik-baiknya." May Ying bagai mahu meyakinkan Ramli tentang pemilihan hakikinya.

Kalau dikatakan kaum hawa adalah insan yang sukar diselami dan difahami, maka May Ying adalah antara wanita yang paling sukar diduga dan ditelaah.

May Ying masih terjebak dalam kekalutan. Antara pergi dan tidak, dia masih tidak dapat membuat kepastian. Nasihat beberapa orang guru pagi tadi galak terngiang di kuping.

Fikir apa lagi. Pohon terus!

Dapat 10A tak pohon Asean Scholarship kan pembaziran namanya? Rezeki jangan ditolak. Jangan persiakan keupayaan diri, orang tua dan guru-guru yang menaruh harapan tinggi pada May Ying, tahu?

Fikiran May Ying semakin kecamuk.

You aim for local U? My God, don't be childish. Cuba tengok abang si anu, lepas grad terus diserap ke dalam Singapore Public Service. Monthly pay five thousand Singapore dollar, belum termasuk bonus tahunan. Elaun lagi. Local grad apa ada? Ingat, you are non-bumi. Orang politik lebih mementingkan semangat kebangsaan sempit daripada kepentingan rakyat dan negara. Orang Barat sudah fahami kelemahan kita, maka Soros berani menjolok sarang tebuhan.

May Ying mendengar saja. Dia sebanyak sedikit mengetahui ketempangan struktur sosial, ekonomi dan politik negara melalui pembacaan rencana dalam media tempatan maupun luar negeri secara tekun. Walaupun media Barat terkadang memburuk-burukkan imej negara, namun dia lebih rela mempercayai maksud yang dibawa oleh sebuah pepatah Cina: Gua kosong tak mungkin menjana angin. Sikap dan kejujuran media Barat memang boleh dipertikaikan, namun kelemahan kita yang diperalatkan oleh mereka untuk kepentingan diri tidak harus diperleceh juga.

"Apakah May Ying serius dengan si Ramli tu?"

Entah suara siapa menyentakannya daripada lamunan. May Ying gagap. Buat masa ini May Ying tidak dapat memastikan di mana teluk buat teduh bahtera kasihnya. Perjalanan jauh lagi. Mungkin tidak. Ah! Masih terlalu awal memikirkan soal itu. Buat masa ini, pelajaran dan masa depan yang harus diutamakan. Ramli bisa memahami kedudukan dan menghormati keputusan May. Bukankah dia teman setia yang banyak mendorongku dalam pelbagai aspek kehidupan. Bukan mudah nak mendapat seorang teman karib seperti si Ramli ini.

Cuaca amat ceria, seceria hati May Ying hari ini. Selingkar ivy yang dihadahi Ramli masih menjulur di dalam bekas kaca yang berisi air dan batu sungai. Bekas kontot berbuntut kembang itu terduduk kukuh di atas

meja tulisnya menghadap panorama di luar jendela. Angin semilir berhembus perlahan. Pucuk dan dedaun yang masih mentah terketar-ketar dipuput angin, laksana anak ayam kesejukan disirami hujan pagi.

May Ying memerhatikan buah tangan si Ramli. Hasil gubahan Ramli sendiri. May Ying tidak sangka dia begitu pandai sekali mencuri hatinya. Sejak darjah enam dia sudah meminati tumbuhan memanjat, khasnya ivy. Dia suka konotasi istilah Cinanya: bahagia dan sejahtera selama-lamanya. Betapa tidak, hidup setiap insan di maya ini biar lestari selama-lamanya, kalau diizinkan. Bukankah hidup ini suatu perjalanan ditumbuhi kesengsaraan. Insan yang kurang bijak mengawal naluri dan nafsu-nafsi tidak dapat lari daripada sengsara itu. Manusia sebenarnya cenderung menggali kolong dan menguburkan diri sendiri. Nama, pangkat, kekayaan dan hawa nafsu tidak henti-henti mengeruhkan danau benak yang tenang dan bening. Kadang-kala May Ying berbicara dengan Ramli berkenaan perkara ini. Ramli pula semacam mengambil kesempatan memperlinya. "You nak pohon masuk Singapore U, bukankah mengundang seksa namanya?"

May Ying tergamam. Setelah memikir dengan mendalam, lambat laun dia menjawab, "May terdesak. Siapa tidak perlukan pengiktirafan. May perlukan back up untuk mencapai cita-cita May. May seperti rakan sebangsa yang lain, cinta pada bumi ini. Tapi adakah cita-cita May dipenuhi?"

May Ying terasa terbuang dalam alam jagat yang saujana luas. Nekadnya semakin bulat tatkala memikirkan kedudukan diri. Pendidikan hari ini diperalat dan diperlecehkan fungsinya. Baginya, puncanya disebabkan tukang kayu memegang sudip, lain yang diminta lain pula yang dimasak. Pelaksanaan kerap kali bercanggah dengan dasar dan falsafah negara. Kalau diberi kesempatan, ingin May Ying melepasi kongkongan ini. Umpama anak tumbuhan ivy di atas meja berusaha melepasi bekas kaca berisi air dan cuba menjalar keluar jendela demi menghirup udara segar lagi nyaman. May Ying tenung anak julur ivy agak lama. Ombak sedih dan kecewa tiba-tiba memukul gigi pantai benaknya. Tanpa disedari, kelopak mata semakin diempangi air. Penglihatannya semakin kabur.

Sudah dua hari Ramli tidak menemui May Ying. May sibuk dengan urusan permohonan universitinya barangkali, fikirnya. Dia sedar kemesraan antaranya dengan May akan semakin renggang dengan kepergiannya. Dia masih ingat benar bagaimana ia berkenalan dengan May. Ketika itu dia adalah satu-satu anak Melayu darjah satu sekolah rendah Cina. Keputusan ayah menghantarnya ke sekolah Cina dikecam dan menjadi buah mulut rakan taulan.

"Pengerusi sendiri sebagai pembela nasib bangsa tidak harus melakukan perkara yang bercanggah dengan prinsip perjuangan bangsa kita." Dalam suatu mesyuarat parti peringkat cawangan, ayahnya, Encik Taha selaku pemimpin cawangan dikecam keras oleh ahli-ahlinya.

Taha tidak meradang ketika itu. Cuma terkilan dengan kecaman tuli anggota cawangannya. Dia tidak nampak silapnya menghantar Ramli belajar satu bahasa asing yang lain, apatah lagi bahasa jiran yang terdekat. Kini baru dia insaf betapa hebatnya kesan penjajahan Barat ke atas jiwa bangsa Melayu yang hilang keyakinan terhadap keutuhan keimanan diri. Mentaliti mengekang segala yang asing perlu dikikis segera. Dia mahu si Ramli membesar menjadi anak bangsa yang berpandangan luas dan waras.

Tapi si Ramli yang masih kecil menanggung kesulitan besar kerana tercampak ke sebuah perkelilingan yang sama sekali baru dan asing. Pada mulanya dia berasa terpinggir dalam sebuah kelas yang muridnya semua Cina.

Mujur May Ying yang duduk bersebelahan dengannya rela mendekatinya dan menghulurkan bantuan dan dorongan. Dalam masa yang singkat, dia sudah dapat menyesuaikan diri dalam suasana dan perkelilingan baru itu. Dia berasa dirinya terhutang budi kepada May Ying. Maka adalah menjadi tanggungjawab menjaga May Ying agar tidak diganggu oleh pelajar lain. Kemesraan itu tidak lekang sepanjang 12 tahun yang lalu.

Tapi kini hubungan itu telah melewati tahap kritikal sejak keputusan SPM diumumkan minggu lalu. Tidak disangka May melahirkan keinginan untuk memohon masuk ke universiti di Singapura. Pelbagai kemusykilan berdegung pada benaknya. Ah, wanita sememangnya makhluk yang sukar difahami, umpama samudera, kadang-kadang indah permai dan riang ria, waktu lain pula beribut dan mengamuk.

Walaupun dia berasa kesal dengan rancangan May, namun dia sedari itulah alternatif yang paling baik bagi kebanyakan pelajar Cina dari kalangan elit di negara ini. Malah ada sebahagian pelajar Cina menghantar anak mereka belajar di negara jiran itu setelah tamat sekolah rendah dengan harapan dapat menamatkan pendidikan tinggi di situ dengan tajaan biasiswa Asean.

Tajaan dan sumbangan biasiswa dari kerajaan di pulau itu langsung menjanjikan peluang pekerjaan yang cerah dan kualiti hidup yang baik. Singapura sebuah negara kecil yang kekurangan sumber alam dengan kebijakannya memanfaatkan potensi sumber tenaga manusia untuk pembangunan negara. Strategi menarik elitis dan pakar negara luar melalui bantuan kewangan dalam pendidikan tinggi serta pelbagai insentif yang menarik ternyata membawa kejayaan.

Ramli sedikit sebanyak memahami kenapa dalam krisis ekonomi serantau baru-baru ini, Singapura tidak terasa sangat bahang dan gegarannya. "Dasar meritocracy adalah asas kekuatan negara itu." Demikian Ramli terbaca sebuah rencana yang ditulis seorang pengarang Barat ketika tercetusnya kontroversi Lee Kuan Yew - Mahathir tahun lalu. Isu berkenaan sentiasa menghantui fikirannya. Dia sentiasa memikirkan motif sebenar pemimpin pulau itu membuat kenyataan sedemikian. Sejauh manakah kebenaran dan keikhlasannya?

Sehingga kini Ramli masih tertanya-tanya, namun kemusykilan itu tidak terungkuai dan kini menjadi kahak yang tersumbat di tekak. Loya. Tapi tidak kuasa berbuat apa-apa.

Kemusykilan yang lebih besar pada Ramli ialah ketiadaan kerajaan mengambil langkah tertentu menyekat pengaliran keluar tenaga pakar dan penuntut seperti May yang bakal menjadi golongan profesional satu hari kelak. Sebaliknya Ramli nampak semakin ramai buruh murahan asing dibiarkan mengalir masuk tanpa sebarang sekatan. Apakah pihak berkenaan tidak nampak padahnya buruh asing yang kini sudah melimpah-limpah di serata ceruk rantau negara yang aman damai dan tenang sejahtera ini?

Ramli tidak pernah membincangkan perkara sedemikian dengan May. Dia dan May adalah dua dunia yang berlainan. Perbezaan itu sudah wujud seawal rantau ini dijajah. Cuma Ramli mahu May faham, perbezaan itu lumrah alam, namun tidak menghalang pergaulan dan penjalinan persaudaraan yang intim. Dalam pergaulan mereka yang lepas, kadang-kadang May menyelar sikapnyaitu.

"May tidak mahu hubungan antara kami seperti tuan dan hamba. Apakah Lee anggap May substitution semata-mata? May tidak mahu hubungan kami tercemar oleh mana-mana fahaman sempit." Demikian May Ying mengatakan kepada Ramli ketika mereka bertikam lidah tentang isu hubungan kaum di negara ini.

"Kan manusia itu dilahirkan berbeza? Kita sebagai hamba-Nya cuma bisa mengurangkan konflik dan percanggahan sesama kita." Ramli menjawab dengan nada tenang.

"Saya hormati pendirian Lee. Tapi tanggapan May lain." Selalunya perbualan mereka terbantut tatkala menyabit persoalan berkenaan. Ramli selalu kesal terhadap bentuk hubungan sedemikian. Dia mengerti kesempurnaan dan kemutlakan tidak bisa tercapai, apatah lagi manusia pada hakikatnya amat kompleks.

Sudah seminggu Ramli tidak menemui May Ying. Dia menelefon May Ying menjemputnya makan malam di pekan. Kereta yang dipandu oleh Ramli meluncur deras di jalan aspal yang diturap semula kerana menyambut sukan Komanwel

XVI pada bulan September nanti.

Kaki langit senja yang bening disarangi mega yang berwarna-warni terpampang indah tepat di depan cermin besar keretanya. Senario yang mengasyikkan ini berundur ke sisi dan terus terhumban ke belakang kereta yang meluncur deras. Papan iklan dan kain rentang warna-warni sepanjang jalanan yang menayangkan pelbagai taktik promosi dan jualan hebat bermain di depan mata dan kemudian lenyap.

Bahang kegawatan ekonomi semakin ketara dan mula dirasai. Dua minggu kebelakangan ini, akhbar tempatan banyak menyiarkan berita tentang strategi kerajaan mengatasi masalah ekonomi negara. Sebuah institusi perbankan telah disuntik berbilion ringgit. Beberapa institusi kewangan lain yang kerugian turut digesa bergabung dengan institusi yang kukuh untuk mengelakkan nasib ditutup. Ramli ragu-ragu sama ada langkah yang diambil berkenaan benar memanfaatkan negara seperti yang didakwa.

Apabila Ramli melangkah ke dalam restoran, kedapatan May terlebih dahulu menunggu di situ. Malam ini May memakai kain batik potongan ceongsam labuh panjang. Nampak ranggi dan ceria. Ramli seperti terkejut. Buat pertama kali dia melihat penampilan May yang amat menarik.

"Maaf kerana lewat," merenung wajah May yang luar biasa cerianya sambil membetulkan posisi duduk.

Setelah membeli makanan dan minuman untuk diri dan May, mereka mula menjamu selera. Sambil berbual tentang keadaan masing-masing sepanjang minggu lepas. Dada langit yang ceria cerah dan bening tadi beransur-ansur malap. Dari dinding kaca tingkat atas restoran, nampak lampu kereta di jalanan mula celik dan bertali arus gerakannya.

Manusia seperti semut, berpusu-pusu melintas di depan restoran. Kegawatan ekonomi seolah-olah tidak menimbulkan sebarang kesan di kalangan rakyat tempatan maupun buruh asing. Mereka terus berbelanja dan leka berhibur di plaza membeli belah, restoran, pawagam mini, pusat hiburan MTV, karaoke, Fun Fair dan sebagainya.

"Lee tak perasan apa-apa kelainan beberapa hari ini?" Pertanyaan May Ying pelik dan aneh bagi Ramli.

Ramli memandang May. Cuba meneka. Sejurus menjawab: "Tentang May sendiri?"

May tersedak dan ketawa kecil. Sambil menggeleng menafikan.

Ramli cuba meneka lagi. Tidak juga dapat. May terkekeh-kekeh melihat kerut wajah Ramli kerana bersusah payah memikirkan jawapannya.

"Ekonomi" May terus ketawa riang.

"Jadi?" Ramli semakin tertanya-tanya. Apakah kaitan soal ekonomi dengan pertemuan mereka hari ini.

"Oh! May tak jadi pergi, ya?" Soal Ramli serius.

May mengangguk. Wajahnya masih mengukir senyuman.

"Kenapa?" Ramli semakin pelik dibuatnya.

May merapatkan straw ke kelopak bibir lalu menghirup coke perlahan-lahan. Sejurus mengucapkan: "Saja tak mahu pergi?" May menghirup lagi. Matanya menjeling nakal.

"Bagaimana pula Lee sendiri?" Mata May merenung tepat wajah Ramli.

"Lee memohon biasiswa JPA, ke US barangkali." Ramli tidak berani bertentang mata dengan May Ying. Penglihatannya mengalih ke luar dinding kaca di sebelah kanan. Tak disangka-sangka kelibat May tertayang jelas di kaca tebal itu. Dari kaca dia nampak May tunduk perlahan-lahan. Tangannya melipat-lipat straw minuman.

"Maafkan. Abah Lee yang aturkan."

Sejak pertemuan malam itu, May sengaja mengelak untuk bertemu Ramli lagi. Pada hari keberangkatan ke Amerika Syarikat, Ramli sempat menerima sebuah bungkusan daripada posmen. Dengan penuh debar, Ramli membuka bungkusan itu. Dalam sebuah kotak panjang tersimpan setangkai ivy yang

telah diawet kering dan sepotong ayat yang tertulis pada secarik kertas merah jambu:

Buat Lee yang kukenali selama ini,  
samudera sudah kontang,  
batu di dasar lautan sudah memijar;  
sang bulan tengah mengambang.  
tapi ke mana si pungguknya?  
Semoga dilupakan hendaknya.